

PENTAS TEATER KARYA JOHOR 2017



Bisikan Qarin dipentaskan penuntut UTHM di Kompleks Dewan Kuliah Utama G3, UTHM.

Karya penuh elemen pengajaran, kupas keruntuhan moral remaja

NORSHIKIN MOHD SALLEH

Kisah pergelakan hidup remaja yang mengalami krisis emosi dan tekanan hidup apabila berhadapan dengan masalah dalam institusi kekeluargaan sehingga mengheret kepada gejala sosial boleh disaksikan dalam pementasan teater Bisikan Qarin.

Diperssembahkan penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), teater arahan Rosdi Abdullah itu digarap



ROSIDI
yang tidak bertanggungjawab sehingga menjadikan Adam membenci fasa perkahwinan.

Adam dan kekasihnya, Sofia menjalani hidup bersekedudukan dan berzina, namun kehidupan tidak mencapai kebahagiaan apabila sering dilanda ujian.

Adam dan Sofia yang dilakonkan Nurul Aqilah Seth, akhirnya mendapat hidayah ALLAH lalu memutuskan untuk mempunyai ikatan yang sah, namun pasangan itu berdepan konflik.

Menurut Rosdi yang juga kakitangan Unit Kebudayaan UTHM, kisah itu digarapnya berdasarkan Surah Al-Isra, ayat 32 yang bermaksud "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk."

"Menariknya teater Bisikan Qarin ini berkonsepkan Kontemporer Semi Realisme dan Semi Experiment yang menggunakan teknik dan gaya persembahan ciptaan baru yang akan memberi nafas baru kepada penonton," katanya.

Teater Bisikan Qarin akan dipersembahkan di Kompleks Dewan Kuliah Utama G3 UTHM, Batu Pahat hari ini dan esok bermula jam 8.30 malam. Tiket boleh didapati dengan harga RM5.



Bisikan Qarin memaparkan kecelaruan emosi remaja selepas konflik dalam institusi kekeluargaan.



Antara babak dalam Bisikan Qarin.